

KRITERIA PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN MYGAP

Penganugerahan pensijilan myGAP boleh digantung dan dibatalkan dalam keadaan seperti berikut:

1. Ladang ternakan dan premis walit yang tidak lagi mematuhi GAHP serta syarat-syarat pensijilan myGAP yang ditetapkan;
2. Tiada tindakan susulan terhadap ketidakakuran (major) yang dikenalpasti semasa audit surveilan (surveillance audit) dan pemeriksaan semula (review audit);
3. Perubahan lokasi ladang dan premis walit berbanding yang diluluskan semasa pemberian sijil myGAP oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
4. Perubahan dalam pengurusan syarikat dan ladang/premis walit yang tidak dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
5. Perubahan dalam sistem operasi berbanding dengan sistem yang telah diluluskan ketika penganugerahan;
6. Ladang atau premis walit yang tidak beroperasi melebihi enam (6) bulan; dan
7. Penarikan diri daripada program secara sukarela.